

Kajian JAS mendapati kebanyakan sungai tercemar terletak di bandar

229 sungai negara tercemar

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

PUTRAJAYA – Kualiti air sungai di negara ini masih berada pada tahap membimbangkan ekoran sejumlah 229 daripada 473 sungai di seluruh negara tercemar akibat kesan pembangunan sisa-sisa industri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kebanyakan sungai yang tercemar itu terletak dalam kawasan bandar memandangkan ia terdedah kepada risiko pencemaran tinggi seperti sisa-sisa industri daripada premis komersial dan kilang.

“Saya juga bimbang terhadap aktiviti penerokaan tanah secara terbuka bagi tujuan tanaman komersial sehingga menyebabkan air sungai menjadi keruh,” katanya ketika berucap pada Seminar Keselamatan Sumber Air Dalam Konteks Pem-

angunan Mapan di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri.

Bagaimanapun, Wan Junaidi menambah, sebanyak

244 sungai disahkan bersih dan selamat digunakan selepas kajian pemantauan dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Dalam pada itu, beliau memberitahu, kementeriannya memandang serius soal keselamatan sumber air khususnya ketika dunia

mengalami perubahan iklim yang sekali gus menjejaskan simpanan air.

“Saya menerima laporan bahawa tahap kekeruhan untuk sebuah sungai utama di Malaysia telah mencapai 6,000 Unit Kekeruhan Nephelometric (NTU) yang ham-

pir menyamai warna Teh Tarik.

“Dalam kes biasa, bacaan 1,000 NTU boleh menyebabkan loji rawatan air ditutup disebabkan oleh pencemaran sendimen terampai seperti yang telah berlaku di banyak negeri sebelum ini,” katanya.

INFO

10 Sungai Tercemar di Malaysia

- Sungai Air Merah, Johor
- Sungai Sebulung, Johor
- Sungai Sengkuang, Johor
- Sungai Jelutong, Pulau Pinang
- Sungai Tukang Batu, Johor
- Sungai Untut, Selangor
- Sungai Air Baloi, Johor
- Sungai Tampoi, Johor
- Sungai Rembia, Melaka
- Sungai Seluang, Perak



HAMIM (kanan) bersalaman dengan para peserta yang menyertai Seminar Keselamatan Sumber Air Dalam Konteks Pembangunan Mapan di Putrajaya semalam.

Tawaran Istimewa Hadiah Utama

RM150,000.00!

Buat anda yang memiliki nombor 110!



Tarikh lahir anda boleh memberikan anda peluang memenangi

RM 150,000.00!*

Ketahui caranya sekarang!
Tiga langkah mudah :

1. Ambil dua digit terakhir tahun kelahiran anda.
2. Campur dengan usia anda pada 2016.
3. Tolak 6 daripada jumlahnya.



PERHATIAN!

Jika jawapan yang anda dapat adalah 110 – Tahniah!

ik kepada terma dan syarat